



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 2013

**TATACARA PENGGUNAAN BILIK MENUNGGU KHAS
BAGI ORANG KENAMAAN DI LAPANGAN TERBANG
ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (KLIA)**

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

4 Februari 2013

Diedarkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan



JABATAN PERDANA MENTERI
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon: 03 - 8872 1957
Faks : 03 - 8888 3903

Rujukan Kami :PM/13527 JLD6 (19)

Tarikh : 4 Februari 2013

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 2013

TATACARA PENGGUNAAN BILIK MENUNGGU KHAS BAGI ORANG KENAMAAN DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (KLIA)

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Am ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai lokasi, kategori, kelayakan penggunaan, prosedur permohonan dan tatacara lain yang berkaitan penggunaan bilik menunggu khas bagi orang kenamaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

LATAR BELAKANG

2. Surat Pekeliling Am Bilangan 5 Tahun 1983 bertarikh 28 Jun 1983 – Peraturan Bagi Menggunakan Bilik-bilik Menunggu Khas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Subang telah menetapkan peraturan penggunaan bilik menunggu khas bagi orang kenamaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah, Subang (LTSAAS).

3. Selaras dengan perpindahan operasi penerbangan dari LTSAAS ke KLIA dan pertambahan kemudahan-kemudahan yang disediakan di KLIA, maka Surat Pekeliling Am Bil.5 Tahun 1983 perlu dikaji semula.

LOKASI DAN KATEGORI BILIK MENUNGGU KHAS

4. Bilik menunggu khas bagi orang kenamaan di KLIA terletak di beberapa lokasi dan kategori seperti berikut:

- (a) Kompleks Bunga Raya**
 - (i) Bunga Raya I
 - (ii) Bunga Raya II
 - (iii) Bunga Raya III
 - (iv) Bunga Raya IV
 - (v) Bunga Raya V
 - (vi) Bilik Persidangan / Media

- (b) Bangunan Terminal Utama**
 - (i) Bilik Mawar
 - (ii) Bilik Anggerik

- (iii) Bilik Cempaka
- (iv) Bilik Melor
- (v) Bilik Melati
- (vi) Bilik Seroja
- (vii) Bilik Tanjung
- (viii) Bilik Kemuning
- (ix) *Corporate Important People Lounge (CIP)*
- (x) Bilik Audio Visual
- (xi) Bilik Sidang Media

(c) Bangunan Satelit

- (i) Bilik Kiambang
- (ii) Bilik Seri Pagi

KELAYAKAN PENGGUNAAN BILIK MENUNGGU KHAS

5. Bilik menunggu khas bagi orang kenamaan di Kompleks Bunga Raya, Bangunan Terminal Utama dan Bangunan Satelit boleh digunakan **secara percuma** kepada orang kenamaan yang layak mengikut kategori bilik seperti di tetapkan.

6. Bilik menunggu khas ini adalah hanya untuk kegunaan orang kenamaan seperti yang disenaraikan dalam **Lampiran A**. Jumlah penumpang yang dibenarkan memasuki bilik menunggu khas akan ditentukan oleh Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa (BIUPA) berdasarkan kepada kesesuaian kapasiti dan kategori bilik.

7. Pas keselamatan akan diberikan kepada empat (4) orang yang mengiringi orang kenamaan tersebut. Walau bagaimanapun, hanya dua (2) orang sahaja dibenarkan mengiringi orang kenamaan sehingga ke pintu pelepasan/ketibaan dan tertakluk kepada tatacara semasa yang ditetapkan oleh Malaysian Airports (Sepang) Sdn. Bhd. (MASB).

8. Ketua Negara Asing, Ketua Kerajaan Asing dan kenamaan-kenamaan asing yang melakukan lawatan rasmi ke negara ini dan mendapat kelulusan taraf Tetamu Negara tidak tertakluk kepada ketetapan dalam perenggan 6.

PROSEDUR PERMOHONAN

9. Setiap permohonan hendaklah dikemukakan kepada BIUPA, Jabatan Perdana Menteri sekurang-kurangnya **tiga (3) hari** sebelum tarikh penggunaan dengan menyatakan butiran lengkap berkenaan orang kenamaan, pegawai pengiring dan jadual penerbangan menggunakan borang atas talian yang disediakan di laman web rasmi BIUPA di <http://www.istiadat.gov.my>.

10. Bilik menunggu khas ini hanya boleh digunakan setelah mendapat kelulusan BIUPA **tertakluk kepada kekosongan bilik, kekananan orang kenamaan berkaitan dan tarikh permohonan dibuat. Bilik berikutnya boleh digunakan oleh orang kenamaan sekiranya berlaku pertindihan penggunaan orang kenamaan yang setaraf.** Pemohon hendaklah berhubung dengan pihak MASB bagi tujuan penyelarasan hal keselamatan, kesihatan, imigresen dan kastam dengan agensi berkaitan di KLIA.

PERATURAN-PERATURAN LAIN YANG BERKAITAN

11. Kemudahan penggunaan *Inner Lane* di Aras 5 Bangunan Terminal Utama KLIA hanyalah untuk orang kenamaan yang layak menggunakan Bilik Mawar dan Anggerik sahaja atau mana-mana orang kenamaan yang mendapat kebenaran daripada pihak Polis Diraja Malaysia di KLIA.
12. Bagi penyediaan makanan dan minuman, pemohon hendaklah berurusan terus dengan pihak MASB dan segala bayaran merupakan tanggungjawab pemohon.
13. Pemohon/pengguna perlu mematuhi etika dan tatacara lain yang ditetapkan oleh pihak pengurusan MASB semasa menggunakan bilik menunggu khas tersebut.
14. Pemohon/pengguna hendaklah terlebih dahulu memaklumkan pihak pengurusan MASB tentang penglibatan/kehadiran wartawan dan segala tatacara/prosedur yang berkuat kuasa hendaklah dipatuhi.
15. Kelulusan penggunaan bilik menunggu khas orang kenamaan boleh ditarik balik pada bila-bila masa oleh BIUPA sekiranya berlaku sebarang pelanggaran syarat yang telah ditetapkan.
16. Orang yang tidak disenaraikan dalam **Lampiran A** akan mengambil keutamaan mengikut Susunan Keutamaan Persekutuan atau kelaziman yang ditetapkan tertakluk kepada kelulusan khas yang diberikan oleh BIUPA, Jabatan Perdana Menteri dari semasa ke semasa.

PEMAKAIAN

17. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling Am ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

18. Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling Am ini, Surat Pekeliling Am Bil. 5 Tahun 1983 - Peraturan Bagi Menggunakan Bilik-bilik Menunggu Khas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Subang bertarikh 28 Jun 1983 dibatalkan.

TARIKH KUAT KUASA

19. Surat Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' SRI DR. ALI BIN HAMSA)

Ketua Setiausaha Negara

LAMPIRAN A

SENARAI ORANG KENAMAAN DAN TETAMU NEGARA YANG LAYAK MENGGUNAKAN BILIK MENUNGGU KHAS DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (KLIA)

A) KOMPLEKS BUNGA RAYA

- (a) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;
- (b) Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong;
- (c) Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Pemangku-pemangku Raja;
- (d) Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri-Negeri;
- (e) Bekas-Bekas Raja Permaisuri Agong yang menerima saraan Diraja daripada Kerajaan Persekutuan;
- (f) YAB Perdana Menteri;
- (g) YAB Timbalan Perdana Menteri;
- (h) Bakal-bakal Raja (Tengku Mahkota/Raja Muda);
- (i) Ketua-Ketua Negara/Ketua-Ketua Kerajaan Asing yang bertaraf Tetamu Negara; dan
- (j) Pembesar-Pembesar Negara Asing bertaraf Perdana Menteri/ Timbalan Perdana Menteri yang bertaraf Tetamu Negara.

B) BANGUNAN TERMINAL UTAMA

i) BILIK MAWAR

- (a) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong;
- (b) Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong;
- (c) Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Pemangku-pemangku Raja;
- (d) Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri-Negeri;
- (e) Bekas-Bekas Raja Permaisuri Agong yang menerima saraan Diraja daripada Kerajaan Persekutuan;
- (f) YAB Perdana Menteri;
- (g) YAB Timbalan Perdana Menteri;
- (h) Bakal-Bakal Raja (Tengku Mahkota/Raja Muda);
- (i) Ketua-Ketua Negara/ Ketua-Ketua Kerajaan Asing yang bertaraf Tetamu Negara;
- (j) Pembesar-Pembesar Negara Asing Bertaraf Perdana Menteri/ Timbalan Perdana Menteri yang bertaraf Tetamu Negara;
- (k) Ahli-Ahli Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.);
- (l) Ahli-Ahli Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.);
- (m) Ahli-Ahli Seri Setia Mahkota (S.S.M.); dan
- (n) Dato'-Dato' Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin, Negeri Sembilan.

ii) BILIK ANGGERIK

- (a) Ketua Hakim Negara;
- (b) Yang di-Pertua Dewan Negara;
- (c) Yang di-Pertua Dewan Rakyat;
- (d) Bekas-bekas Perdana Menteri;
- (e) Balu bekas Perdana Menteri;
- (f) Bekas-bekas Timbalan Perdana Menteri;
- (g) Balu bekas Timbalan Perdana Menteri;
- (h) Ahli-Ahli Jemaah Menteri;
- (i) Setiausaha Jemaah Menteri/ Ketua Setiausaha Negara;
- (j) YAB Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri; dan
- (k) Menteri-Menteri dari Luar Negara.

iii) BILIK CEMPAKA

- (a) Peguam Negara;
- (b) Panglima Angkatan Tentera;
- (c) Ketua Polis Negara;
- (d) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;
- (e) Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat;
- (f) Timbalan-Timbalan Menteri;
- (g) Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi, Duta-Duta Besar, Menteri-Menteri Yang Mutlak, Pemangku-pemangku Pesuruhjaya Tinggi dan Kuasa-Kuasa Usaha;
- (h) Presiden Mahkamah Rayuan;

- (i) Hakim Besar Mahkamah Tinggi Malaya;
- (j) Hakim Besar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak;
- (k) Ketua Pembangkang di Parlimen;
- (l) Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan;
- (m) Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan;
- (n) Bekas Ketua Setiausaha Negara;
- (o) Pegawai-Pegawai Gred Utama Turus I, II, III;
- (p) Penasihat Khas kepada YAB Perdana Menteri; dan
- (q) Bekas Ketua-ketua Perkhidmatan – bekas Peguam Negara, bekas Panglima Angkatan Tentera dan bekas Ketua Polis Negara, bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

iv) BILIK MELOR

- (a) Pengerusi-pengerusi Suruhanjaya yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan Persekutuan;
- (b) Hakim-hakim Mahkamah Tinggi;
- (c) Pengerusi Tribunal Perkhidmatan Awam;
- (d) Pesuruhjaya-pesuruhjaya Kehakiman;
- (e) Ketua Audit Negara;
- (f) Gabenor Bank Negara;
- (g) Datuk Bandar Kuala Lumpur;
- (h) Pengerusi Majlis Rasmi Kerajaan;
- (i) Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- (j) Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja;

- (k) Datuk Paduka Maharaja Lela;
- (l) Ahli-Ahli Panglima Mangku Negara (P.M.N.);
- (m) Ahli-Ahli Panglima Setia Mahkota (P.S.M.);
- (n) Professor-Professor Diraja;
- (o) Ahli-Ahli Panglima Jasa Negara (P.J.N.);
- (p) Ahli-Ahli Panglima Setia Diraja (P.S.D.); dan
- (q) Anak-Anak Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan memerintah.

v) BILIK MELATI

- (a) Speaker Dewan-dewan Undangan Negeri;
- (b) Ahli-Ahli Dewan Negara;
- (c) Ahli-Ahli Dewan Rakyat;
- (d) Pegawai-Pegawai Gred Utama 'A' dan setaraf;
- (e) Panglima Tentera Darat;
- (f) Panglima Tentera Laut;
- (g) Panglima Tentera Udara;
- (h) Timbalan Ketua Polis Negara;
- (i) Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian;
- (j) YB Setiausaha-setiausaha Kerajaan Persekutuan;
- (k) YB Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri;
- (l) Naib-Naib Canselor Universiti-Universiti; dan
- (m) Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan-kerajaan Negeri.

vi) BILIK SEROJA

- (a) Pegawai-pegawai Gred Utama 'B' dan setaraf;
- (b) Pengerusi-pengerusi Badan-badan Berkanun Persekutuan, Ketua-ketua Badan Berkanun Persekutuan dan Pegawai-pegawai Tentera/Polis yang setaraf dengan Gred Utama 'B';
- (c) Wakil Tempatan Bangsa-Bangsa Bersatu; dan
- (d) Orang kenamaan dari luar negara yang diberikan taraf Tetamu Negara.

vii) BILIK TANJUNG DAN KEMUNING

Untuk kegunaan orang kenamaan bagi syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat swasta terhad kepada jawatan tertinggi sahaja dengan kadar bayaran yang telah ditetapkan.

viii) CIP, BILIK AUDIO VISUAL DAN BILIK SIDANG MEDIA

Boleh digunakan untuk orang kenamaan yang menggunakan bilik menunggu khas di Bangunan Terminal Utama.

C) BANGUNAN SATELIT

i) BILIK KIAMBANG DAN BILIK SERI PAGI

Untuk kegunaan orang kenamaan yang layak menggunakan Bilik Mawar dan Anggerik sahaja.